

LAPORAN PEMERHATIAN

Pihak Tindak Malaysia (nama rasmi “TindakMalaysia Network Services PLT”), salah satu badan bukan kerajaan yang memberi tumpuan kepada pembaharuan sistem pilihan raya, baru - baru ini mengambil bahagian dalam proses pemerhatian Pilihan Raya Kecil Dun Kuala Kubu Baharu. Ini merupakan kali ketiga belas dalam sejarah Tindak Malaysia, sejak penubuhannya pada tahun 2008, pihak kami memerhati proses pengundian pada Hari Undi Biasa, Undi Awal dan Undi Pos. Berikut adalah maklumat - maklumat ringkas mengenai proses pemerhatian dari pihak Tindak Malaysia.

PASUKAN

Pihak Tindak Malaysia hantar tiga Pemerhati yang mempunyai pengalaman dalam bidang Penjalanan Pilihan Raya/ Pemerhati. Mereka adalah:

- 1) Yvette Mah Looi Yin
- 2) Kiritharan a/ P. Subramaniam
- 3) Stephen Koh Eng Sang

Kesemua Pemerhati sekurang-kurangnya pernah berkhidmat sebagai Pemerhati untuk Pilihan Raya Negeri 2023. Yvette Mah dan Kiritharan mempunyai pengalaman luas dalam bidang Pemerhati dan Ejen Tempat Mengundi/ Ejen Mengira Undi.

Fokus kami untuk Program Pemerhati Pilihan Raya Kecil Kuala Kubu Baharu ialah:

- 1) Penamaan Calon (Yvette) - 27 April 2024
- 2) Pengeluaran Undi Pos (Kiritharan) - 29 April 2024
- 3) Undi Awal (Yvette) - 7 Mei 2024
- 4) Semakan Isi Peti Undi (Yvette) - 10 Mei 2024
- 5) Hari Undi Biasa (Stephen Koh dan Kiritharan) - 11 Mei 2024
- 6) Penjumlahan Undi Pos (Stephen Koh) - 11 Mei 2024

Berikut adalah sekolah - sekolah yang diperhati oleh pasukan kami untuk Hari Undi Biasa:

- 1) Sekolah Kebangsaan Bandar Baru Batang Kali
- 2) Sekolah Kebangsaan Hulu Yam Lama
- 3) Sekolah Menengah Kebangsaan Ampang Pecah (Bestari)
- 4) Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Kubu Bharu (SM3KB)
- 5) Sekolah Rendah Agama Bandar Utama Batang Kali
- 6) Sekolah Kebangsaan Kerling
- 7) Tadika Kemas Kampung Gerachi Jaya

CIRI PEMERHATIAN 1: SEBELUM HARI PENGUNDIAN

Pemerhatian Positif

1. Pengagihan pusat mengundi untuk Daerah Mengundi Pertak adalah terbaik. Ketiga-tiga pusat mengundi adalah dekat untuk tiga kelompok pengundi (Pertak, Gerachi Jaya dan Bukit Fraser).

Pemerhatian Negatif

1. Terdapat satu Daerah Mengundi di DUN Kuala Kubu Baharu di mana pusat mengundinya terletak di DUN Lain. Pusat Mengundi untuk Daerah Mengundi Hulu Yam Lama (094/06/14) - iaitu Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Choong Chee - terletak di luar sempadan DUN Kuala Kubu Baharu.
2. Pihak Pegawai Pengurus mempunyai maklumat yang berkonflik mengenai sama ada mereka mempunyai bilangan petugas yang mencukupi.

CIRI PEMERHATIAN 2: PENAMAAN CALON

Pemerhatian Positif

1. Calon-calon dengan penyokong-penyokong telah berkumpul di luar kawasan mengiringi Dewan sebelum pukul 9 pagi. Pada masa yang tepat (9 pagi), calon-calon dan 2 orang penyokong (bagi setiap calon) masuk dewan untuk mendaftar. Kakitangan SPR telah buat kerja mereka dengan baik.
2. SPR menggunakan peluang Pilihan Raya Kecil ini untuk melatih kakitangan SPR muda bagi memahami proses penjalanan pilihan raya.
3. Proses penamaan calon telah tutup tepat pada 10 pagi. Semua ahli media, polis, kakitangan SPR, ahli pemerhati, calon-calon dan penyokong-penyokong mereka telah bersopan santun dan tiada sesiapa membuat kekacauan. Ramai polis diagihkan ke jalan di luar Dewan juga.

Pemerhatian Negatif

1. Pemerhati-pemerhati telah diberitahu untuk duduk di bahagian yang disediakan. Pemerhati tidak dibenarkan pergi dekat ke meja-meja di mana calon pilihan raya didaftarkan. Ini mengurangkan keupayaan Pemerhati untuk menilai kepatuhan kepada undang-undang pilihan raya.

CIRI PEMERHATIAN 3: PENGELUARAN UNDI POS

Pemerhatian Positif

1. Sesi penerangan dari Penolong Pegawai Pengurus kepada semua Kerani Petugas(6), Petugas(5), SPR(8), Polis(2) bermula pada pukul 9:30 pagi. Operasi sangat teratur, tenteram, dan cekap.
2. Setiap orang sedar dengan tugas mereka masing-masing dan sangat terlatih.
3. Bermula tepat pada pukul 10 pagi dan selesai pada pukul 11 pagi.

Pemerhatian Negatif

1. Bilik agak kecil untuk semua pegawai yang berlainan dan Pemerhati terasa sesak beberapa kali.
2. Tidak dapat mengulangi langkah-langkah (pengeluaran Undi Pos) terdahulu jika Ejen Undi Pos ingin menyemak sesuatu yang telah dilakukan oleh Kerani Undi Pos sebelumnya.
3. Ejen Undi Pos tidak mahu melambatkan proses tetapi pada akhir sesi, dia meminta Penolong Pegawai Pengurus untuk menyemak keping kertas undi tetapi ditolak.

CIRI PEMERHATIAN 4: UNDI AWAL

Pemerhatian Positif

1. Pertukaran Ejen Tempat Mengundi selepas dua jam bergerak dengan lancar dan tiada apa-apa isu ditimbulkan oleh Ketua Tempat Mengundi (KTM).
2. Proses pengundian bergerak secara lancar untuk Maktab PDRM dan Kem Erskine.

Pemerhatian Negatif

1. Penyelia Pusat Mengundi (Maktab PDRM) tidak memahami peranan Pemerhati dan cuba menghalang Pemerhati kami daripada memerhati saluran-saluran di Maktab PDRM. Selepas Penyelia Pusat Mengundi menyemak dengan SPR, Pemerhati kami telah dibenarkan untuk menjalankan tugas-tugas dia.
2. Kesilapan dalam catatan siri nombor bilangan pemilih untuk Saluran 1 (Maktab PDRM). Pemerhati kami telah memaklumkan kepada Penyelia Pusat Mengundi dan Pegawai SPR (Pemerhati kami menjumpai isu pada permulaan proses pengundian). Pembetulan tidak dibuat serta merta dan akhirnya dibuat pada pukul 12.30 tengah hari. Walau bagaimanapun, kesilapan tidak menimbulkan apa-apa kekeliruan untuk pengundi - pengundi polis.

CIRI PEMERHATIAN 5: SEMAKAN ISI PETI UNDI

Pemerhatian Positif

1. Semua pegawai-pegawai hadir sebelum 9.00 pagi. Proses semakan isi peti undi adalah teratur dan semua KTM dan petugas-petugas lain telah mendapat benda-benda diperlukan untuk proses Pengundian Biasa.

Pemerhatian Negatif

1. Pemerhati hanya diberikan satu kawasan untuk duduk dan memerhati proses Semakan Isi Peti Undi dari jauh. Oleh itu, Pemerhati hanya boleh memerhati dengan pandangan terhad.

CIRI PEMERHATIAN 6: HARI PENGUNDIAN BIASA

STEPHEN KOH

Pemerhatian Positif

1. Bandar Utama Batang Kali (Sekolah Kebangsaan Bandar Baru Batang Kali): Pusat mengundi tersebut menjalankan tugas secara lancar, terutamanya KTM saluran amat pengalaman dengan proses mengundi dan warga emas serta warga Orang Kurang Upaya (OKU) diberi keutamaan oleh setiap Petugas.
2. Pegawai SPR amat berwaspada dalam meneliti proses pengundian dan memberi bantuan serta nasihat yang bagus kepada petugas di pusat pengundi.
3. Pemerhati dikenal pasti sebelum masuk ke dalam saluran oleh KTM.
4. Pertukaran Ejen Tempat Mengundi dikendalikan secara lancar oleh KTM di Sekolah Kebangsaan Bandar Baru Batang Kali dan Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Kubu Baharu.

Pemerhatian Negatif

1. Pusat mengundi - Sekolah Menengah Kebangsaan Ampang Pecah (Bestari) - mengalami isu bahawa nombor bilangan pengundi di atas "poster" tidak tepat dan pemerhati memberi tahu kepada pegawai SPR untuk membetulkan bilangan. Isu tersebut diketahui pada jam 2:00 petang.
2. Di pusat mengundi (Sekolah Menengah Kebangsaan Ampang Pecah (Bestari), Penunjuk arah adalah tidak jelas dan isu ini disebabkan kertas digunakan sebagai penanda. Sepatutnya papan tanda digunakan.

3. Tanjakan patut diberi kepada pusat pengundi untuk warga OKU yang menggunakan kerusi roda di tempat yang mempunyai cerun ataupun longkang untuk masuk ke dalam saluran-saluran.

KIRITHARAN

Pemerhatian Positif

1. Pertukaran Ejen Tempat Mengundi di Sekolah Rendah Agama Bandar Utama Batang Kali dan Tadika Kemas Kampung Gerachi Jaya dikendalikan secara lancar oleh KTM.
2. Peratusan pengundi yang sangat tinggi iaitu sekitar 89%. Ini disebabkan oleh dorongan oleh Ketua Kampung - menurut KTM (Tadika Kemas Kampung Gerachi Jaya). Hanya 9 pengundi tidak hadir.
3. KTM dan petugas sangat profesional dan terlatih (Tadika Kemas Kampung Gerachi Jaya).
4. Pengiraan undi berjalan lancar dan dijelaskan dengan baik (Tadika Kemas Kampung Gerachi Jaya).
5. Hanya empat saluran di Sekolah Kebangsaan Kerling (SK Kerling) tetapi proses berjalan perlahan dan stabil.
6. Seorang KTM membenarkan beg dan telefon dibawa selagi tiada gambar diambil (SK Kerling).
7. Pengundi telah disemak untuk kandungan beg dan telefon tetapi tiada peraturan untuk meninggalkan beg/telefon. KTM boleh meminta pengundi untuk meninggalkan beg dan telefon tetapi jika pengundi enggan, tiada apa yang boleh dilakukan.
8. Seorang KTM di Sekolah Rendah Agama Bandar Utama Batang Kali sangat mahir. Beliau sangat baik serta sedia mengajar.

Pemerhatian Negatif

1. Gambar Perdana Menteri dan Menteri Besar tidak ditutup di dalam Tadika Kemas Kampung Gerachi Jaya.

CIRI PEMERHATIAN 7: PENGIRAAN UNDI POS

Pemerhatian Positif

1. Proses Pengiraan Undi bergerak secara lancar.

Pemerhatian Negatif

1. Tiada apa-apa isu ditemui.

CADANGAN - CADANGAN UNTUK SPR

1. Mendemokrasikan proses pelantikan semua Petugas-Petugas SPR untuk semua pilihan raya. Sekarang, latihan SPR untuk Petugas amat kukuh tetapi kekurangan ialah jenis orang dilantik menjadi Petugas SPR. Petugas - petugas SPR sewajarnya dipilih daripada kalangan orang yang berminat, bukan dikerah oleh pejabat kerajaan.
2. Proses pengagihan pusat mengundi untuk daerah mengundi harus diperbaiki. Setiap daerah mengundi perlu mempunyai pusat mengundi di dalam kawasan daerah mengundi. Kita tidak mahu satu situasi di mana salah satu pusat mengundi kawasan DUN dijumpai di luar sempadan DUN.
3. Pemerhati perlu diberi ruang untuk memerhati proses latihan SPR untuk Petugas SPR.
4. Pemerhati perlu diberi ruang yang lebih bermakna untuk memerhati proses Penamaan Calon dan Semakan Isi Peti Undi.
5. Pemerhati perlu dibenarkan ruang untuk memerhati proses Latihan Petugas SPR.

SEKIAN, TERIMA KASIH

MAKLUMAT OLEH:

YVETTE MAH LOOI YIN

STEPHEN KOH ENG SANG

KIRITHARAN A/L P. SUBRAMANIAM

PEMERHATI-PEMERHATI KUALA KUBU BAHARU

TINDAK MALAYSIA

DISUNTING OLEH:

DANESH PRAKASH CHACKO

PENGARAH

TINDAK MALAYSIA

29.5.2024

LAMPIRAN

Gambar - Gambar mengenai Program Pemerhati



Foto 1: Pemerhati kami sewaktu Penamaan Calon. Semua Pemerhati diagihkan kepada satu tempat dan tidak dibenarkan pergi dekat dengan meja - meja penamaan calon.



Foto 2: Tindak Malaysia merupakan satu-satu badan Pemerhati yang menghantar Pemerhati untuk proses pengeluaran Undi Pos untuk pilihan raya kecil. Ini merupakan perkara penting kerana percanggahan kecil telah diperhatikan. Pencanggahan ialah permintaan Ejen Undi Pos untuk mendapat penjelasan mengenai undi ditolak tidak dilayan oleh Penolong Pegawai Pengurus.



Foto 3: Maktab PDRM (Undi Awal). Pihak kami mendapati bahawa Penyelia Pusat Mengundi tidak memahami peranan Pemerhati dan cuba menghalang Pemerhati kami daripada melaksanakan tanggungjawab dia.



Foto 4: Foto - foto di atas menunjukkan kesilapan yang cerah mengenai pertindihan siri nombor bilangan pemilih antara Saluran 1 dan Saluran 2 di Maktab PDRM (Undi Awal). Siri nombor bilangan Pemilih untuk Saluran 1 sepatutnya dari 1 hingga 312



Foto 5: Kem Erskine (Undi Awal) mungkin mencatat 100% untuk peratusan keluar pengundian.



Foto 6: Pemerhati - pemerhati diagihkan kepada satu kawasan untuk Semakan Isi Peti Undi Biasa.



Foto 7: Foto - foto menunjukkan proses pengundian untuk Sekolah Kebangsaan Bandar Utama Batang Kali.



Foto 8: Pemerhati - Pemerhati kami di Sekolah Rendah Agama Bandar Utama Batang Kali.



Foto 9 : Di Sekolah Menengah Kebangsaan Ampang Pecah (Bestari), terdapat pertindihan siri nombor pemilih (001 - 620). Kesilapan jenis ini ditemui untuk Saluran 4,5 dan 6. Oleh disebabkan Pemerhati kami hanya memulakan Pemerhatian dari tengah hari, kesilapan ini tidak dibetulkan seluruh pagi sehingga Pemerhati kami memaklumkan kepada pegawai SPR. Pembetulan telah dibuat pada pukul 2 petang.



Foto 10: Proses Pengiraan Undi Pos bergerak secara lancar di hadapan Pemerhati dan Ejen Undi Pos.



Foto 11: Gambar-gambar Perdana Menteri dan Menteri Besar tidak dilindungi atau ditutup di Tadika Kemas Kampung Gerachi Jaya sewaktu proses pengundian dan pengiraan.